

21 SEP 2001

US-Takziah

LEBIH 600 ORANG T/TANGANI BUKU TAKZIAH

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Lebih 600 orang telah menandatangani buku takziah di Kedutaan Amerika Syarikat di sini bagi menyatakan simpati mereka kepada mangsa serangan pengganas di Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas.

Kedutaan Amerika Syarikat yang mengucap terima kasih kepada mereka yang telah datang dan menandatangani buku itu sepanjang sembilan hari lepas, berkata kedutaan itu turut menerima lebih 300 jambangan bunga, kad dan surat serta lebih 400 e-mel dan panggilan telefon yang menyuarakan rasa simpati kepada mangsa tragedi itu.

"Rasa simpati ramai penduduk Malaysia itu telah menenangkan hati masyarakat Amerika," kata kedutaan itu dalam satu kenyataan hari ini.

Buku takziah itu ditutup hari ini bagi membolehkan kedutaan mengumpul perutusan simpati untuk dihantar kepada Washington D.C supaya dapat dikongsi bersma oleh penduduk Amerika, katanya.

Kedutaan itu mengucapkan takziah dan simpati kepada semua keluarga di seluruh dunia yang kehilangan anggota keluarga dan rakan dalam tragedi yang mengorbankan rakyat daripada 63 buah negara, termasuk Malaysia, katanya.

Antara pemimpin Malaysia yang mendatangi buku takziah itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S Samy Vellu.

Beribu-ribu orang mati apabila dua buah pesawat komersil melanggar menara berkembar Pusat Dagangan Dunia di New York, manakala sebuah pesawat lagi merempuh kompleks Pentagon di Washinton yang menempatkan Jabatan Pertahanan.

-- BERNAMA

HK AHH LAT